

3 May, 2009

KEPADA: PENGARANG BERITA

KENYATAAN AKHBAR: *HARI KEBEBASAN AKHBAR SEDUNIA*

Sempena menyambut Hari Kebebasan Akhbar Sedunia hari ini Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJM) meminta semua lapisan masyarakat termasuk wartawan dan pengamal media, kerajaan, ahli-ahli politik dan semua pihak yang mempunyai kepentingan dalam bidang ini menilai sendiri apakah bentuk kebebasan media yang diharapkan oleh rakyat telah berjaya dicapai.

Sekiranya belum tercapai, ke manakah arah tujuan media selepas ini dan apakah tindakan semua pihak dalam menentukan corak kebebasan yang dirasai relevan hari ini?

Dengan pelbagai persepsi negatif yang dilemparkan terhadap media arus perdana yang terus dibelenggu dan dikawal ketat oleh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan juga Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), sejauh manakah agaknya media berkenaan boleh melaporkan berita secara bebas tetapi tetap berkredibiliti dan bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu NUJM memohon kerajaan di bawah pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya lebih prihatin dan peka terhadap perubahan era ledakan informasi global yang memerlukan lebih keterbukaan di samping mengamalkan dasar ketelusan, akauntabiliti dan juga tadbir urus yang cemerlang.

Sejak kebelakangan ini beberapa syarikat akhbar telah menerima surat tunjuk sebab di atas apa yang telah mereka terbitkan dan tidak kurang juga yang telah digantung lesen sementara kerana didakwa tidak mengikut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Tindakan kerajaan seumpama itu hanya memperlihatkan kerajaan masih mengawal ketat penerbitan akhbar dan boleh disalah tafsir oleh banyak pihak sebagai terus mengongkang kebebasan akhbar.

Oleh yang demikian NUJM memohon kerajaan membuat pindaan, memansuh atau menambahbaik undang-undang sedia ada supaya ia lebih kelihatan tidak mengongkong sebaliknya semua pihak diberi tanggungjawab untuk memikul tindakan dan keputusan yang dibuat selaras dengan amalan demokrasi.

Sempena dengan kepimpinan baru ini juga, NUJM memohon agar kerajaan memansuhkan OSA dan hukuman penjara mandatori ke atas pesalah sebaliknya digantikan dengan Akta Kebebasan Maklumat.

NUJM juga memohon agar amalan memperbaharui lesen tahunan yang dikenakan ke atas tuan punya syarikat penerbitan akhbar dimansuhkan. Tindakan memansuhkan ini adalah langkah permulaan ke arah membebaskan akhbar daripada dibelenggu oleh Akta Mesen Cetak dan Penerbitan.

Sekian

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Norila Daud', written in a cursive style.

NORILA DAUD
(PRESIDEN NUJM)